Jalinan diplomatik KL-Canberra

Um- 18/4/2007

Oleh G. MANIMARAN
dan MOHD. FIKRI ROSLY
(WARTAWAN UTUSAN)

PENNY WILLIAMS

TINGKAT enam bangunan Suruhanjaya Tinggi Australia yang terletak di Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur, dihiasi dengan susunan gambar yang mencerminkan rentetan hubungan diplomatik antara Canberra dan Putrajaya.

Gambar di kedua-dua sebelah laluan ke pejabat Pesuruhjaya Tinggi pasti akan membawa setiap pengunjung mengimbas sejarah hubungan Malaysia dan Australia sejak sekian lama. Bilangan gambar yang digantung berjumlah 67 keping.

"Kami bernasib baik kerana Suruhanjaya Tinggi (di Kuala Lumpur) yang menghargai nilainya, menyimpan gambar-gambar ini, bagi membawa bersama kenangan yang mencerminkan hubungan dua hala dua negara ini," kata Penny Williams, yang tiba di ibu negara pada 28 Mac lalu, sebagai Pesuruhjaya Tinggi Australia yang baru ke Malaysia. Beliau menggantikan James Wise.

Sebahagian gambar itu akan dimuatkan dalam buku khas, yang bakal diterbitkan sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan. Buku tersebut yang kini dalam proses penerbitan di Canberra dijadual diedarkan di Malaysia pada separuh kedua tahun ini, kemungkinan bulan Julai.

Ia cuma satu daripada pelbagai acara dan program, yang menurut Williams, diatur oleh pihaknya untuk dijayakan sepanjang tahun ini.

"Kerajaan menyediakan peruntukan khas bagi mengadakan program ini sebagai hadiah hari jadi," kata Williams sambil menambah, "kami mahu turut sama sambut ulang tahun ini... ia salah satu cara terbaik."

"Ia salah satu cara bagi kami untuk turut memeriahkan sambutan 50 tahun Malaysia merdeka," kata Williams sempena temu bual khas dengan *Utusan Malaysia* minggu lalu.

Di sebalik sambutan kebangsaan, hubungan diplomatik Malaysia dan Australia juga memasuki 50 tahun. Justeru, kata beliau, sambutan peringkat Suruhanjaya Tinggi juga diadakkan bagi menghargai hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Pun begitu, kerjasama kedua-dua negara sebenarnya menjangkaui tempoh yang lebih lama daripada hubungan diplomatik lima dekad. Pada abad ke-19, masyarakat Melayu dikatakan telah mengambil bahagian dalam industri penyelaman mutiara di perairan utara Australia. Peranan dalam kerjasama kedua-dua negara ketara dalam pembabitan askar Australia ketika Perang Dunia Kedua dan membantu Malaysia di peringkat awal selepas mencapai kemerdekaan daripada Britain.

Williams mengakui hubungan diplomatik kedua-dua negara adalah positif dan 'harmoni' sejak beberapa tahun lalu.

Williams fasih berbahasa Indonesia dan mahir dalam bahasa Arab dan Sepanyol. Jawatan Pesuruhjaya Tinggi ke Malaysia merupakan kedudukan tertinggi beliau dalam kerjaya diplomatik dan Kuala Lumpur merupakan lokasi pertamanya menyandang kedudukan tertinggi itu. Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Pertama di Damsyik, Syria dari 1992 hingga 1994 dan kaunselor di Santiago, Chile dari tahun 1997 hingga 2000.

Sebagai diplomat sejak 1988 selepas menamatkan Pengajian Asia dua tahun sebelumnya, Williams juga mencatatkan sejarah sebagai wanita pertama menyandang jawatan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia.

Ketika ditanya mengenai perasaan apabila diumumkan pelantikannya ke Malaysia pada Januari lalu, lebih-lebih hubungan diplomatik berusia 50 tahun, beliau merumuskan: "Saya sangat gembira, dengan pengajian saya dan latar belakang kerjaya dalam bidang pengajian Asia Tenggara."

"Ia hubungan yang sangat penting bagi kita. Semuanya sangat positif... ada lawatan peringkat Perdana Menteri, banyak kunjungan membabitkan menteri kedua-dua negara, penubuhan Institut Australia-Malaysia, perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang sedang digerakkan," jelas beliau.

TUNKU Abdul Rahman Putra (kanan) bersalaman dengan Menteri Pertahanan Australia ketika itu, A. Fairhall yang menyertai Persidangan Menteri-Menteri Pertahanan di Kuala Lumpur pada 10 Jun 1968. Kerjasama ketenteraan merupakan antara bidang yang memperkukuhkan hubungan dua hala Malaysia dan Australia sepanjang lebih lima dekad lalu.

Ia salah satu cara bagi kami untuk turut memeriahkan sambutan 50 tahun Malaysia merdeka

"Oleh itu, saya merasakan sangat bertuah untuk berada di sini sebagai pesuruhjaya tinggi, untuk melihat hubungan kita menuju era lebih baik," katanya.

Berdasarkan perbualan singkat, Williams mempunyai jadual pertemuan ketat sejak tiba di Malaysia hampir tiga minggu lalu. Siapa yang beliau temui sebaik tiba di sini?

Sambil berseloroh "adalah tidak adil untuk bertanya siapa yang beliau bertemu terlebih dahulu," Williams mengakui telah menemui sebahagian kecil rakyat tempatan, khususnya ahli-ahli perniagaan kedua-dua negara.

Malaysiaku Gemilang

Bagi Williams ia serba sedikit telah memberi peluang untuk berkongsi pandangan mengenai hubungan dan kerjasama kedua-dua negara.

"Bagi saya, Malaysia dan Australia memperlihatkan hubungan yang baik, yang menggambarkan bagaimana hubungan telah berkembang sekian lama," kata Williams dengan wajah ceria, yang memperlihatkan tentang prospek hubungan diplomatik melibatkan kedua-dua negara.

"Pandangan mereka (ahli-ahli perniagaan) sangat positif. Mudah untuk menjalankan perniagaan di sini, zon waktu yang sama, pendekatan perniagaan juga sama, juga wujud rangkaian perniagaan, banyak ciri dan kesamaan, dan hubungan perniagaan yang matang," jelas beliau dan menambah, minat menjalankan perniagaan juga bertambah baik.

Australia dan Malaysia telah menikmati hubungan perdagangan dua hala yang nilainya mencecah A$11.35 bilion bagi tahun 2005-06. Malaysia merupakan negara perdagangan kedua terpenting bagi Australia di ASEAN dan yang kesembilan di peringkat dunia.

Williams mengetuai Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur selepas enam bulan Perdana Menteri John Howard mengunjungi Malaysia, susulan kunjungan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya mengenai cabaran baru dan tugasan khas sebagai Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Williams mengatakan begini:

"Kini hubungan adalah sangat positif. Dan, terdapat usaha untuk memperkukuh hubungan ini sejak beberapa tahun yang lalu."

"Misi saya melangkaui keadaan sedia ada dan mengambil usaha untuk membawa dan menuju ke masa depan yang lebih baik untuk menikmati manfaat bersama," tambah beliau.

Bagaimanapun, dalam pertemuan ini, Williams berterus terang bahawa "saya tidak datang dengan sebarang agenda baru."

"Tugasan saya, daripada kerajaan ialah meneruskan usaha bagi meningkatkan hubungan diplomatik sedia ada, adakan lebih peluang perniagaan, hubungan pendidikan dan kerjasama perdagangan," katanya.

"Kita ada asas hubungan yang kukuh, yang penting ialah bagaimana kita boleh membawanya ke era yang lebih baik dalam dunia yang semakin kompetitif," ujar beliau.

Terdapat banyak peluang untuk memperbaiki hubungan sedia ada? Respons Williams: "Ya, sudah pasti."

Beliau mengulas lanjut: "Saya berpendapat, keadaan baik yang dilihat ialah ada minat di kedua-dua pihak, kedua-dua pihak menyedarinya dan telah melalui suasana turun naik, dan saya juga berpendapat, kita tidak akan menghadapi halangan kerana mempunyai asas hubungan mantap."

Williams menekankan, sepanjang lima dekad lalu hubungan kedua-dua negara meliputi pelbagai aspek, yang dibina dan dikembangkan.

"Hubungan dua hala yang dibina antara kerajaan, tetapi lebih daripada itu... dalam jangka panjang wujud hubungan antara rakyat, bersama rakyat," katanya.

Hubungan kerajaan antara Malaysia dan Australia boleh dilihat dengan kedua-dua negara merupakan anggota pertubuhan serantau yang sama, antaranya Komanwel, Sidang Kemuncak Asia Timur, Pertubuhan Perdagangan Sedunia, dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik selain kerjasama ketenteraan. Kini, kedua-dua negara merundingkan FTA.

Williams turut berkongsi sedutan Laporan Jawatankuasa Tetap Parlimen Mengenai Hal Ehwal Luar, Pertahanan dan Perdagangan Luar yang memfokus terhadap hubungan Australia dengan Malaysia. Hasil kajian itu yang dikeluarkan bulan lalu merumuskan, hubungan kedua-dua negara berkembang daripada yang berbentuk sokongan semata-mata di peringkat awal menjadi "kerjasama negara perdagangan yang penting."

"Hubungan akan terus menjadi matang dan berubah. Tanpa diragui, akan ada cabaran, tetapi jawatankuasa ini yakin perasaan muhibah yang wujud akan mengatasinya," kata pengerusi jawatankuasa itu, David Jull.